

# Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Berasaskan Pendekatan Didik Hibur Di Sekolah Rendah

Muhamad Fadhil bin Md Zain<sup>1</sup>, Mahzan bin Arshad<sup>2</sup>,  
Norul Haida bt Hj. Reduzan<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia*

*Email : <sup>1</sup>alfadhil77@gmail.com*

## **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran bahasa Melayu berasaskan pendekatan didik hibur di sekolah rendah. Seramai 35 orang murid dan sepuluh orang guru bahasa Melayu dari SK Sri Wangi, Gua Musang, Kelantan telah terlibat dalam kajian ini. Data yang diperolehi daripada pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen dianalisis secara huraian deskriptif. Kajian ini mengenal pasti amalan pengajaran guru dalam pengajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur di sekolah rendah berdasarkan Teori Konstruktivisme. Dapatan kajian mendapati guru kurang mengaplikasikan pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu serta dalam rancangan pengajaran yang dibina. Dapatan juga mendapati bahawa guru-guru tidak menyediakan bahan bantu mengajar setiap kali PdP berlangsung. Bahan bantu mengajar hanya disediakan pada masa-masa tertentu sahaja kerana guru-guru menghadapi beberapa cabaran seperti kekurangan masa berkualiti untuk menyediakannya, terutama semasa berada di sekolah.*

*Kata kunci : Amalan Pengajaran Guru, Pengajaran Didik Hibur*

# Teacher Teaching Practices In Teaching Malay Language Based Approach Educate Entertainment In Primary School

*Abstract : This study aimed to identify the practice of teaching in the subjects of Malay-based edutainment approach in primary schools. A total of 35 pupils and ten teachers Malay of SK Sri Wangi, Gua Musang, Kelantan has been involved in the study. Data obtained from observations, interviews and document analysis were analyzed descriptively. The study identified the practice of teaching in the teaching of Malay-based edutainment in primary school based on the Theory of Constructivism. The study found that teachers lack edutainment approach to the teaching and learning of English in the teaching*

*program is built. The findings also found that teachers did not provide teaching aids every time PdP took place. Teaching aids are only provided at certain times because teachers face some challenges such as lack of quality time to prepare them, especially while in school.*

**Keywords:** *Teacher Teaching Practice, Entertainment Educator Teaching*

## **1. PENGENALAN**

Setelah sepuluh tahun pelaksanaan KBSR pada tahun 1993, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan kajian semula terhadap kurikulum tersebut. Kurikulum Kebangsaan sekali lagi mengalami perubahan pada tahun 2003 apabila tergubalnya KBSR Semakan yang dilaksanakan sehingga tahun 2011 (Mazlan Ismail, 2016). Pada tahun 2011, KPM telah melakukan transformasi kurikulum persekolahan dengan menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada bagi memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi abad ke-21 (Noriati A. Rashid, Lee Keok Cheong, Zulkufli Mahyudin & Zakiah Nordin, 2014). Pihak KPM telah menambah baik kurikulum sedia ada kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 untuk murid Tahun Satu di semua sekolah di seluruh negara (Mazlan Ismail, 2016).

Selaras dengan perubahan kurikulum tersebut, kurikulum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) turut mengalami proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalan kurikulum. Kandungan tersebut meliputi kandungan dan juga pendekatan berbanding dengan KBSR yang digunakan sebelum 2011 (Mazlan Ismail, 2016). KSSR juga menekankan pendekatan didik hibur sebagai strategi pembelajaran dan pemudahcara (PdPc). Melalui pendekatan didik hibur secara terancang ini, murid-murid dapat mengikuti pembelajaran secara menyenangkan, seterusnya berminat untuk mempelajari bahasa Melayu (Mazlan Ismail, 2016).

Satu unsur baharu iaitu didik hibur telah diperkenalkan dalam kurikulum KSSR. Pendekatan didik hibur yang diperkenalkan ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengajaran dan pembelajaran yang menghiburkan, seronok, kecintaan dan mampu menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran.

Menurut Dokumen Standard Bahasa Malaysia Tahap 1 SK (2011), Didik Hibur merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara santai dan berhibur yang terancang dan bersistematik dengan penekanan pelaksanaannya terhadap empat komponen sastera iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi.

Didik hibur merupakan satu pendekatan dalam PdP dan menyediakan pelajar-pelajar peluang untuk mengintegrasikan, bereksperimentasi dan menggunakan apa yang telah dipelajari dalam modul berdasarkan aktiviti, seronok dan bermakna (Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman, 2016).

## **2. KAJIAN LITERATUR**

Didik hibur dilaksanakan secara penyerapan dalam pengajaran Bahasa Malaysia dengan berfokuskan kepada aktiviti mengguna dan memahami lirik lagu, bahasa indah, bahasa badan dan berpantun (dua kerat). Penyerapan ialah proses menyerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai, murni, dan kemahiran bernilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001).

Terdapat tiga objektif pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah rendah dan menengah, iaitu:

- (i) Mengguna dan memahami lirik lagu secara didik hibur;
- (ii) Mengguna dan memahami bahasa yang indah dan bahasa badan dalam lakonan dan bercerita; dan
- (iii) Mengguna dan memahami pantun dua kerat secara didik hibur

Banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan pengajaran secara didik hibur ini. Antaranya, kajian oleh Patricia Andai Robin, Mahizer Hamzah, Madeling Pandang (2020) yang menjalankan kajian tahap penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends. Hasil kajian mendapati penggunaan lagu Didi & Friends berkesan dalam membantu kanak-kanak Iban menguasai kosa kata (bahasa badan) Bahasa Melayu iaitu . menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam penguasaan kosa kata iaitu sebanyak 72.7% berbanding sebelum penggunaan lagu Didi & Friends dijalankan iaitu 18.2% sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak sangat berminat dengan pendekatan didik hibur melalui teknik nyanyian yang dijalankan.

Begitu juga dengan kajian Turnbull D, Gupta dan Murad D (2018), menyatakan bahawa muzik adalah bentuk hiburan yang menyeronokkan, menarik dan sering digunakan oleh guru untuk membantu pelajar mempelajari bahasa. Tambahnya, kemajuan terkini dalam teknologi muzik dapat digunakan untuk membangunkan aplikasi pembelajaran bahasa yang dapat membantu anak-anak, orang dewasa muda dan pelajar dewasa mengembangkan kosa kata mereka, meningkatkan sebutan mereka, dan meningkatkan penghargaan budaya mereka.

Mohd Zahar Kusun dan Affero Ismail (2017) juga telah membuktikan bahawa pendekatan didik hibur berjaya memotivasikan murid-murid dalam pembelajaran. Hasil kajian mereka yang bertajuk, Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar dalam Kalangan Murid di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang berjaya mempengaruhi motivasi belajar di kalangan pelajar sekolah rendah. Ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan didik hibur yang menghiburkan dan menarik semasa PdP telah meningkatkan motivasi jurid agar terus mengikuti pembelajaran yang dirancang dan seterusnya objektif pembelajaran tercapai.

Fonteles J, Fernandes M dan Queiroz D (2017) pula telah menjalankan kajian tentang permainan muzik interaktif untuk kanak-kanak, yang dibangunkan menggunakan Unreal Engine 4. Hasil kajian mendapati pendekatan pembelajaran melalui pelaksanaan gerak isyarat serta konsep muzik kepada permainan berjaya menggembirakan kanak-kanak, dapat menarik perhatian mereka, serta berjaya mengekalkan maklumat yang diperolehi hasil permainan yang menyeronokkan.

Kajian Ramlah Jantan, Nor Afini Resab & Siti Fatimah Az-Zahra (2016) pula mendapati penggunaan muzik dalam nyanyian berupaya menarik minat murid dalam PdP. Para murid

yang sememangnya sukakan muzik dapat menyebut dan mengingat perkataan melalui nyanyian dengan baik. Malah, murid-murid yang agak pendiam juga akan turut melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian secara berkumpulan dan ini membantu murid-murid yang pendiam untuk sama-sama menyebut perkataan dengan betul.

Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah dan Shamsudin Othman (2016) pula telah menjalankan kajian tentang Aplikasi Teknik Pembelajaran Menyeronokkan dalam Meningkatkan Prestasi Penulisan dalam Bahasa Melayu di sekolah sekitar Putrajaya menggunakan elemen lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan menunjukkan bahawa strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur secara keseluruhannya min 3.16 (S.P = 0.68). Dari segi elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan secara keseluruhannya memperoleh min 3.69 (S.P = 0.55). Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teknik didik hibur menggunakan elemen lakonan yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan penulisan karangan pelajar.

Kajian Azizah Abdul Rahim dan Fazillah Mohamed Ismail (2016) pula menyatakan pendekatan didik hibur merupakan satu kaedah yang sangat efektif untuk merangsang murid mempelajari Bahasa Melayu di sebuah sekolah di Singapura. Melalui pembelajaran secara liputan berita yang dijalankan dalam PdP, hasil pembelajaran menunjukkan murid-murid menjadi lebih yakin dan dapat berkomunikasi dengan lebih baik dan kreatif. Tambahnya, murid-murid dapat belajar cara-cara untuk berkolaborasi, menyelidik, mengumpul maklumat, menjelaskan permasalahan serta memproses maklumat dalam suasana santai dengan rakan-rakan sekelas.

Kajian Suryani Talib (2015) dalam Rahmah Jantan, Nor Afini Resab (2016) terhadap kebolehan membaca dalam kalangan murid luar bandar ( Tahap 1). Seramai 83 orang murid dari sebuah sekolah di luar bandar telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati 63 daripada 83 orang murid dapat membaca pada tahap baik dan sangat baik selepas PdPc secara didik hibur dilaksanakan, manakala 16 orang murid lain dapat membaca pada tahap sederhana dan hanya 11 orang murid yang tahap membacanya lemah.

Keberkesanan pendekatan didik hibur dalam PdP dibuktikan juga dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Razak dan Masitah (2015) tentang Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap dan Minat Murid Orang Asli di Negeri Perak. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat dan menilai sejauhmanakah pendekatan didik hibur dapat menarik minat murid Orang Asli terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada pendekatan didik hibur dapat menarik minat murid Orang Asli terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berbanding dengan pendekatan tradisional. Hasil kajian mendapati pendekatan didik hibur ini telah dapat menaikkan semangat, minat dan penyertaan murid secara menyeluruh. Di samping itu, pendekatan didik hibur ini juga berjaya mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif.

Begitu juga dengan kajian Layang Ugek dan Jamaluddin Badushah (2018) terhadap amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru Bahasa Melayu ketika mengajar murid Penan. Hasil kajian menunjukkan amalan PdP guru Bahasa Melayu yang bersistematik seperti pelaksanaan didik hibur dapat membantu murid-murid Penan mempelajari Bahasa Melayu dengan lebih mudah dan berkesan. Tambahnya, pengajaran berbentuk didik hibur perlu

diperluaskan kerana hasil dapatan kajian menunjukkan murid-murid Penan meminati aktiviti-aktiviti didik hibur seperti menyanyi, bermain dan menari.

Seterusnya, kajian oleh Tay Meng Guat (2015) terhadap pembelajaran menyeronokkan dapat meningkatkan prestasi dalam PdP menunjukkan bahawa pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan memang dapat membantu meningkatkan prestasi dalam PdP Bahasa Melayu di samping pembelajaran berpusatkan murid dapat meningkatkan kawalan kelas. Malah, kekerapan penggunaan humor atau jenaka yang ideal semasa PdP dapat meningkatkan persekitaran pembelajaran yang selesa dan mampu mengurangkan tekanan kepada murid.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan proses pengajaran dan pembelajaran didik hibur di sekolah rendah.

### **4. METOD KAJIAN**

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan penyelidikan kualitatif kerana penyelidik ingin mengetahui apa yang boleh dipelajari tentang sesuatu fenomena yang menjadi minat penyelidik. Dalam penyelidikan kualitatif juga, penyelidik adalah instrumen utama dalam pengumpulan dan analisis data. Penyelidik bertindak sebagai alat kajian yang utama dan mendapat maklumat secara langsung daripada peserta dan sumber-sumber lain, bukan melalui inventori, soal selidik ataupun mesin ( Othman Lebar,2015).

Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian ini untuk meneroka proses dan bentuk amalan guru-guru dalam mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur berdasarkan beberapa sebab. Pertama, kesesuaian untuk menerokai bidang yang kurang diselidiki sebelum ini dan dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji (Creswell, 2002). Kedua, kajian kualitatif mempunyai batasan iaitu, tidak dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci. Ketiga, kajian kualitatif membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk amalan guru-guru dalam mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur.


Instrumen kajian data adalah alat yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji ( Mohd. Nor Jaafar, 2005). Terdapat beberapa jenis alat penyelidikan yang boleh digunakan untuk mengambil data. Dalam kajian ini, kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen.

### **5. DAPATAN KAJIAN AMALAN PENGAJARAN GURU DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU BERASASKAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR**

Berdasarkan soalan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dijalankan telah menemukan lima tema utama dalam kajian ini iaitu penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), Bahan Bantu Mengajar (BBM), aktiviti, masa dan persediaan murid.


Penyelidik menghuraikan hasil dapatan daripada triangulasi data ini berdasarkan lima tema yang telah ditemukan.

Berdasarkan kenyataan responden, jelas menunjukkan bahawa guru memang menyediakan RPH sebelum memulakan PdP dan sentiasa merujuk RPH semasa PdP berlangsung. Namun, hasil temu bual dan analisis dokumen, penyelidik mendapati para guru kurang memasukkan unsur-unsur didik hibur dalam RPH yang dibinanya. Mereka hanya memasukkan unsur didik hibur ini sekali sekala, bergantung kepada kesesuaian masa dan tajuk. Kebiasaannya, elemen didik hibur ini akan diajar jika ada kemahiran seni bahasa sahaja. Jadual 1 menunjukkan contoh penyediaan RPH yang menggunakan pendekatan didik hibur dalam kemahiran seni bahasa.



Jadual 1 : contoh penyediaan RPH yang menggunakan pendekatan didik hibur dalam kemahiran seni bahasa.

Bagi kemahiran lain pula, unsur didik hibur ini amat jarang untuk digunakan. Bukan itu sahaja, terdapat juga penulisan RPH oleh responden yang tidak memasukkan pendekatan didik hibur dalam aktiviti pengajarannya. Pendekatan didik hibur ini tidak dinyatakan secara jelas dalam aktiviti PdP sama ada dilaksanakan atau tidak. Jadual 2 menunjukkan contoh RPH yang tidak menggunakan pendekatan didik hibur dalam PdP.



Jadual 2 : Contoh RPH yang tidak menggunakan pendekatan didik hibur dalam PdP.

Selain itu, berdasarkan temu bual penyelidik bersama responden, penyelidik mendapati bahawa responden juga tidak menyediakan BBM setiap kali PdP berlangsung. BBM hanya disediakan pada masa-masa tertentu sahaja. Menurut responden lagi, BBM tidak disediakan pada setiap hari kerana responden meghadapi beberapa cabaran seperti kekurangan masa berkualiti untuk menyediakannya, terutama semasa berada di sekolah. Para guru sebenarnya berminat untuk menggunakan BBM dalam setiap kali PdP berlangsung, namun mereka meghadapi banyak cabaran dalam menyediakan BBM yang menarik dan berkesan. Oleh yang demikian, para guru hanya menggunakan buku teks sebagai BBM mereka.

“Tak sempat nak buat BBM setiap hari. Banyak kerja nak kena buat. Urus budak Tahun 1, siapkan data murid, pengurusan RMT, mesyuarat -mesyuarat awal tahun, hias kelas, program transisi tahun 1 dan macam-macam lagi. Lepas tu pula, semua perkara perlu dihantar dengan segera. Kadang-kadang, nak pergi rehat 30 minit pun tak sempat. Tapi, BBM yang *simple-simple* tu kita cuba sediakan juga.”

(TBG1 S2)

Dari aspek pelaksanaan aktiviti pula, pemerhatian menunjukkan aktiviti yang selalu digunakan oleh para guru semasa PdP dalam kelas ialah membaca buku teks dan soal jawab tanpa adanya set induksi pada permulaan PdP. Menurut responden lagi, aktiviti soal jawab diadakan kerana aktiviti ini senang untuk dilaksanakan kerana guru hanya perlu menyoal murid apa yang dipelajari, faham atau tidak serta bertanyakan pendapat murid. Tiada aktiviti yang dapat menarik minat murid seperti nyanyian, permainan bahasa atau lakonan dijalankan dalam bilik darjah.


| <b>Selasa, 30 Januari 2018</b>  |   |
|---|---|
| <b>11.15 pagi</b>   |   |
| <b>Pemerhatian</b>  | <b>Komen</b>  |
| Guru masuk ke dalam kelas Tahun Tiga C. Selepas memberi salam, guru meminta murid duduk dan membuka buku teks. Guru meminta murid membaca tajuk dalam buku teks secara senyap. Guru memulakan PdP dengan tidak melaksanakan set induksi atau rangsangan kepada tajuk. Selepas membaca, guru menyoal beberapa orang murid. | Guru masih mengamalkan pengajaran bersifat tradisional.<br><br>Guru bergantung kepada buku teks.<br><br>Tiada elemen yang merangsang minat murid pada permulaan pembelajaran. |

Rajah 3 : Contoh pemerhatian guru.

Pelaksanaan PdP yang mempunyai pendekatan didik hibur yang baik adalah selama 60 minit. Jika tempoh masa PdP selama 30 minit, pembelajaran secara menyeronokkan tidak dapat dicapai secara maksima kerana guru terpaksa mengejar masa dan menyelesaikan beberapa perkara yang timbul dalam bilik darjah sebelum dan semasa PdP berlangsung. Menurut responden, jika tempoh mengajar 30 minit, beliau tidak dapat melaksanakan pendekatan didik hibur yang baik kerana kesuntukan masa. Hasil pemerhatian penyelidik mendapati jika

tempoh masa pengajaran selama 30 minit, responden bukan sahaja tidak dapat menggunakan pendekatan didik hibur, malah tidak dapat mengajar dengan baik. Responden kelihatan kesuntukan masa untuk mengurus kelas seperti mengawal keadaan murid, membersihkan kelas, mengambil kehadiran dan sebagainya. Aktiviti pembelajaran juga agak terhad kerana pengajaran lebih berpusatkan guru dan tidak menggunakan BBM. Murid-murid pula bersifat mendengar dan menjawab apa yang disoal sahaja tanpa aktiviti kelas yang menarik.

Dalam aspek persediaan murid-murid sebelum memulakan PdP, responden menyatakan rata-rata murid kurang bersedia untuk memulakan PdP. Murid-murid kelihatan kerap termenung, hilang fokus, mengantuk, tidak bermaya dan seolah-olah tidak tahu tujuan datang ke sekolah. Buku teks dan buku latihan juga tidak dibawa, latihan tidak disiapkan, jadual kelas hilang dan sebagainya. Malah, mereka juga tidak tahu mata pelajaran yang akan diikuti. Hal ini boleh mengganggu perancangan guru untuk melaksanakan PdP yang menarik sekiranya cabaran ini tidak dihadapi dengan betul.



Rajah 4 : Contoh latihan murid yang tidak siap.

Bilangan murid yang agak ramai dalam kelas juga merupakan faktor murid kurang bersedia untuk belajar. Bilangan mereka yang ramai menyebabkan mereka lebih banyak bercakap daripada belajar. Menurut responden, tahap kesediaan murid yang rendah untuk mengikuti pembelajaran menyebabkan guru mengambil pendekatan tegas dengan meninggikan suara untuk mengawal kelas serta terpaksa menggunakan kaedah pengajaran bersifat sehala (berpusatkan guru) untuk mengelakkan murid bercakap semasa PdP berlangsung. Dengan ini, pendekatan didik hibur tidak diaplikasikan dalam PdP yang dijalankan.

## 6. PERBINCANGAN

Dalam pengajaran Bahasa Melayu secara didik hibur di sekolah, penyelidik mendapati bahawa para guru ada menjalankan pengajaran secara didik hibur ini tetapi tidak secara sepenuhnya. Para guru hanya menetapkan pengajaran bahasa Melayu berasaskan didik hibur



ini pada hari-hari tertentu sahaja, iaitu pada hari Rabu kerana pada hari tersebut telah ditetapkan kemahiran seni bahasa seperti yang terkandung dalam buku teks.

Kadang kala, pendekatan didik hibur yang dikatakan dilaksanakan pada hari Rabu juga kurang diaplikasikan oleh para guru. Hal ini demikian kerana para guru tidak sempat untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk kemahiran seni bahasa yang disarankan. Contohnya, jika terdapat aktiviti nyanyian mengikut irama tertentu, guru hanya membaca sahaja seni kata lagu tanpa mengikut irama dan tidak menggunakan iringan muzik. Cara ini dikatakan lebih mudah dan senang untuk diajar. Murid-murid pula diminta menyebut seni kata lagu dan menjawab soalan yang diberikan. Ini boleh menimbulkan rasa bosan murid dan pembelajaran menyeronokkan tidak tercapai. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan penjelasan guru yang menyatakan bahawa mereka kurang idea untuk mengajar berasaskan pendekatan didik hibur.

Hasil temu bual penyelidik bersama responden juga, penyelidik mendapati bahawa responden menghadapi banyak cabaran dan kekangan untuk menyediakan BBM yang menarik pada setiap kali PdP. Hal ini menyebabkan responden mengajar secara tutorial sahaja dan murid menjadi cepat bosan. Responden juga mendedahkan bahawa BBM yang disediakan oleh pihak panitia adalah terhad dan tidak mencukupi. Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh responden dalam menyediakan BBM ini mengukuhkan lagi kajian lampau oleh Layang Ugek (2009), mendedahkan bahawa kekurangan bahan mengajar telah menjadi satu faktor pembelajaran kurang menarik minat murid. Namun, responden telah berusaha dan cuba sebaik mungkin untuk menyediakan BBM yang menarik walaupun tidak pada setiap kali PdP berlangsung.

Dapatan pemerhatian juga mendapati aktiviti PdP yang dijalankan masih bersifat tradisional iaitu berpusatkan guru, murid kurang dilibatkan dan aktiviti hanya membaca teks dan menjawab soalan yang disediakan sahaja. Dapatan ini jelas bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh Tay Meng Guat (2015) yang menegaskan bahawa pembelajaran menyeronokkan semestinya berpusatkan murid untuk membantu meningkatkan persekitaran pembelajaran yang selesa dan mengurangkan tekanan kepada murid. Amalan PdP secara tradisional yang diamalkan oleh responden ini sebenarnya menyekat minat dan kerativiti murid dalam menikmati pembelajaran yang lebih santai dan menghiburkan. Kaedah ini ternyata berbeza dengan pendekatan didik hibur yang lebih menekankan elemen hiburan dan menyeronokkan dalam PdP yang dijalankan.

Dapatan temu bual juga mendapati elemen sastera yang menjadi pendekatan didik hibur seperti lakonan, bercerita dan pantun kurang dilaksanakan di dalam bilik darjah kerana para guru kurang berkemahiran dalam elemen-elemen tersebut di samping kurangnya panduan untuk mereka rujuk. Walhal, pendekatan didik hibur seperti lakonan, bercerita dan pantun ini sebenarnya merupakan elemen yang telah terkandung dalam pembelajaran seni bahasa dan termaktub dalam Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## 7. RUJUKAN

- [1] Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali, Shamsudin Othman (2016). *Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu*: Jurnal Pendidikan Malaysia 41(1) (2016) : 39-45

- [2] Azizah Abdul Rahim & Fazillah Mohamed Ismail (2016). *Merangsang Kemahiran Komunikasi Pelajar Melalui Kaedah Didik Hibur: Menjana Inovasi Memarak Inspirasi, Sekolah Menengah Ping Yi, Singapura.*
- [3] Faridah Nazir, Faiziah Hj. Shamsudin, Amran Bakar (2016). *Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21: Sasbadi Sdn. Bhd.*
- [4] Fonteles J., Fernandes M., Queiroz D et al. (2017). *Interactive Musical Game With A Gesture-Controlled Virtual Puppet: Proceedings - 19th Symposium on Virtual and Augmented Reality, SVR 2017 (2017) 2017-November 261-270 DOI: 10.1109/SVR.2017.41*
- [5] Ilangko Subramaniam (2014). *Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penguasaan Kosa Kata: Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; ISSN: 2180-4842. Vol.4, Bil 2 (2014):1-9*
- [6] Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah ; Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahap Satu: Bahagian Pembangunan Kurikulum.*
- [7] Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Rancangan Pelajaran Tahunan Bahasa Malaysia Sekolah Rendah Tahun Tiga ; Bahagian Pembangunan Kurikulum.*
- [8] Layang Ugek, Jamaluddin Badushah (2018). *Amalan dan Masalah Pengajaran Literasi Bahasa Guru Bahasa Melayu ketika Mengajar Murid Penan: Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM; ISSN: 2180-4842. Vol. 8, Bil. 2 (Nov. 2018):25-38*
- [9] Mahzan Arshad (2013). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak; Teori dan Amali: Penerbit UPSI*
- [10] Marohaini Yusoff (2001). *Penyelidikan Kualitatif; Pengalaman Kerja Lapangan : Penerbit Universiti Malaya*
- [11] Mazlan Ismail (2016). *Pengajaran Bahasa Melayu Didik Hibur dan Seni Bahasa: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- [12] Mohd Zahar Kusnun, Affero Ismail (2017). *Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar Di Kalangan Murid Di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang: Seminar Pendidikan Johor 2016 (2017) (Februari) 2-7*
- [13] Mokhtar Ismail (2011). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif dalam Pendidikan : Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.*
- [14] Muhammad Khairi Mohamed Nor (2015). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan Komputer: Sasbadi Sdn. Bhd.*
- [15] Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2009). *Murid dan Alam Belajar. UPM: Oxford Fajar Sdn. Bhd.*
- [16] Norul Huda Reduzan (2013). *Unsur Jenaka dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah: Universiti Putra Malaysia*
- [17] Patricia Antai Robin, Mahizer Hamzah, Madeline Pandang (2020). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu Kanak-kanak Iban Melalui Lagu Didi & Friends: Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue), Vol. 9, 41-51*
- [18] Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar (2009). *Amalan Pengajaran Berkesan. UPM: Karisma Publications Sdn. Bhd*
- [19] Ramlah Jantan, Nor Afni Resab, Siti Fatimah Az-Zahra Mohd Fauzi (2016). *Aktiviti Didik Hibur dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Gombak: Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Jilid 5 (2016) 19-26*
- [20] Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian (2015): *Pelaksanaan Elemen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Bahasa Kurikulum Standard Sekolah Rendah; Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

- [21] Sharifah Nor Putri, Aliza Ali ( 2012): *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kurikulum Berasaskan Bermain bagi aspek Perkembangan Bahasa dan Literasi Murid Prasekolah*: Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; ISSN 2180-4842, Vol.2, Bil. 1 ( Mei 2012): 141-159
- [22] Sharifah Nor Putri, Aliza Ali (2011). *Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah*: Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; ISSN: 2180-4842, Vol.1, Bil.2 (Nov 2011):1-15
- [23] Tay Meng Huat (2015) : *Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*; Jurnal Penyelidikan IPG KBL, Jilid 12, 2015
- [24] Turnbull, D., Gupta, C., Murad, D., Barone, M., & Wang, Y. (2018). *Using music technology to motivate foreign language learning*. In Proceedings of the 2017 International Conference on Orange Technologies, ICOT 2017 (Vol. 2018-January, pp. 218–221). Institute of Electrical and Electronics Engineers Inc.  
<https://doi.org/10.1109/ICOT.2017.8336125>